

BAB LIMA

PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji merumuskan hasil keseluruhan kajian dan saranan-saranan berdasarkan hasil kajian kepada pihak JHEAT bagi menambahbaikkan kepada program pembangunan insan yang dilaksanakan di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu pada masa akan datang.

5.2 Rumusan Kajian

Hasil daripada kajian ini, pengkaji dapat merumuskan kepada beberapa bahagian seperti berikut :

- 1) Bentuk program pembangunan insan yang dilaksanakan di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. (JHEAT)
- 2) Sambutan kakitangan JHEAT terhadap program pembangunan insan yang dilaksanakan.
- 3) Masalah dan penyelesaian JHEAT dalam melaksanakan program pembangunan insan.

5.2.1 Bentuk Program Pembangunan Insan Yang Dilaksanakan Di Jabatan Hal

Ehwal Agama Terengganu (JHEAT)

Hasil tinjauan, pemerhatian dan temubual yang telah dijalankan, pengkaji dapat menyatakan bahawa terdapat tiga ciri utama bentuk program pembangunan insan yang telah dilaksanakan oleh JHEAT. Ia terdiri daripada program berbentuk kemahiran, motivasi, keagamaan dan kepimpinan. Dalam program berbentuk kemahiran, program-program yang telah diadakan ialah program ICT *Information Teknology Centre*, program pengendalian mesyuarat dan penulisan minit. Bagi program berbentuk motivasi pula, program-program yang dianjurkan ialah program kaunseling, pengurusan masa dan tata tertib. Bagi program keagamaan, program-program yang dilakukan ialah program Ta'mir (ceramah agama mingguan), program Ihya' Ramadhan dan program anjuran bersama SUK seperti sambutan Awal Muharram, Maulidur-Rasul, Isra' Mikraj, Nuzul Quran dan lain-lain lagi. Manakala bagi program berbentuk kemahiran, program yang telah dijalankan ialah program pengurusan pejabat, program anugerah pekerja cemerlang dan aktiviti gotong-royong.

5.2.2 Sambutan Kakitangan JHEAT Terhadap Program Pembangunan Insan Yang

Dilaksanakan.

Berpandukan kepada respon yang diterima oleh pengkaji dalam temubual yang dibuat, pengkaji dapat menjelaskan bahawa terdapat tiga kategori sambutan kakitangan terhadap program yang dijalankan. Kategori pertama ialah program yang mendapat

sambutan menyeluruh. Ia terdiri daripada program berbentuk kemahiran dengan program kursus audit dalaman (5S), program ICT, program pengendalian mesyuarat dan penulisan minit. Kemudiannya diikuti oleh program berbentuk kepimpinan dengan program anugerah pekerja cemerlang dan pengurusan pejabat. Seterusnya pula ialah program keagamaan yang dianjurkan program bersama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK).

Dalam kategori kedua, program yang mendapat sambutan sederhana ialah program yang berbentuk motivasi iaitu program kaunseling, program kursus tatatertib dan program pengurusan masa. Kemudiannya program berbentuk keagamaan iaitu program ta'mir dan program Ihya' Ramadhan.

Manakala dalam kategori ketiga pula, program yang kurang mendapat sambutan ialah program berbentuk kepimpinan iaitu program gotong-royong. Kemudiannya program berbentuk kemahiran iaitu program yang dianjurkan oleh Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (JKSM)

5.2.3 Masalah Dan Penyelesaian JHEAT Dalam Melaksanakan Program

Pembangunan Insan

Hasil daripada kajian yang dijalankan mendapati bahawa wujudnya beberapa faktor yang menjadi punca berlakunya masalah dalam pelaksanaan program pembangunan insan di JHEAT. Faktor pertama datangnya daripada kakitangan. Faktor kedua pula berkaitan dengan masa. Manakala faktor ketiga berpunca daripada program itu sendiri.

Sebab-sebab yang timbulnya masalah dalam faktor pertama ini, ialah kerana sikap kakitangan yang kurang memberikan komitmen terhadap program. Kemudiannya masalah disipilin dan sikap yang sering ditimbulkan oleh kakitangan. Seterusnya masalah kekurangan sumber tenaga kerja dalam melaksanakan program.

Bagi faktor kedua pula yang berkaitan aspek masa pula, hal ini terjadi disebabkan keterbatasan masa dalam setiap program yang diadakan. Keadaan ini menjadikan program yang dijalankan tidak dapat dilakukan dengan sempurna dan berkesan. Di samping berlakunya pertembungan masa di antara satu program dengan program yang lain. Manakala dalam faktor ketiga adalah berpunca daripada program itu sendiri. Hal ini berkaitan dengan isi kandungan program yang kurang menepati dan tenaga pengajar atau ahli panel yang terhad yang seringkali dikendalikan oleh orang sama.

Oleh itu untuk mengatasi masalah ini JHEAT telah mengambil beberapa cara pendekatan sebagai penyelesaiannya. Dalam aspek kakitangan pihak JHEAT telah memberikan insentif agar dapat menarik minat kakitangan terhadap program yang dianjurkan. Bagi aspek masa pula pihak JHEAT telah mewujudkan satu unit khusus yang mengawal selia program-program yang akan diadakan. Manakala dalam aspek program, sebagaimana yang dilakukan dalam mengatasi aspek masa iaitu mewujudkan satu unit yang bertanggungjawab mengendalikan segala hal berkaitan dengan pelaksanaan program.

5.3 Saranan

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak JHEAT untuk mempertimbangkan atau melaksanakannya bagi menambatkan pelaksanaan program pembangunan insan yang sedia itu dalam usaha melahirkan tenaga kerja yang berkualiti di JHEAT.

1) Pelaksanaan Program Berbentuk Keagamaan

Berdasarkan kepada hasil kajian yang dibuat, pengkaji mendapati JHEAT telah mengadakan program pembangunan insan terhadap kakitangannya. Keadaan ini merupakan satu perkara yang baik dan harus dipuji kerana JHEAT telah menyahut seruan kerajaan agar mengadakan program sedemikian untuk melahirkan tenaga kerja yang berkualiti. Di samping itu diharapkan agar pihak JHEAT juga dapat mempergiatkan lagi program-program pembangunan insan yang berbentuk kerohanian khusus terhadap kakitangannya dan mahupun masyarakat. Hal ini kerana JHEAT sebagai badan yang diamanahkan dalam memberikan perkhidmatan dalam aspek keagamaan dan kerohanian seharusnya memberikan penekanan kepada kedua-dua pihak sama kakitangannya mahupun masyarakat. Hal ini kerana untuk menjadi sebuah organisasi yang berjaya JHEAT memerlukan kakitangannya yang berkualiti untuk menjalankan tanggungjawab yang cemerlang terhadap masyarakat.

2) Penerbitan Buletin JHEAT

JHEAT merupakan sebuah organisasi yang amat dikenali dalam masyarakat Islam di Terengganu. Berperanan sebagai badan kerohanian dan keagamaan. Oleh itu diharapkan agar pihak JHEAT mempunyai buletinnya yang tersendiri. Hal ini kerana dengan ada buletin tersebut ia akan memberikan banyak menafaat kepada warga JHEAT mahupun masyarakat Terengganu. Buletin itu nanti dapat juga berperanan mempromosikan aktiviti-aktiviti JHEAT dan menyebarkan maklumat-maklumat tertentu terhadap masyarakat. Hal ini kerana dalam sesetengah perkara, masih terdapat sebilangan warga negara Malaysia khususnya di Negeri Terengganu yang kurang arif tentang hukum-hakam dan prosedur sama ada dalam soal berkaitan nikah, cerai dan rujuk, atau masalah-masalah pembahagian harta pusaka dan pembahagian zakat. Secara tidak langsung apabila JHEAT mempunyai buletinnya tersendiri, sudah pasti aktiviti dan artikel-artikel sebegitu dapat dipaparkan. Sehubungan dengan itu secara tidak langsung ia memberikan input-input kepada masyarakat. Di samping dapat menyatakan peranan dan fungsi JHEAT serta perkhidmatan yang disediakan oleh JHEAT untuk masyarakat sebagaimana yang telah dilakukan oleh JAKIM dan jabatan-jabatan agama Islam yang lain di Malaysia.

3) Pengurusan Program

Dalam pengurusan program yang dilakukan oleh JHEAT sememangnya telah elok. Namun sekiranya dilakukan dengan sedikit penambahan pasti lebih baik. Hal ini berkaitan dalam soal pengurusan program iaitu dilakukan kajian kembali atau dikenali post moterm

dalam setiap program yang telah dilaksanakan. Hal ini bertujuan untuk mengenalpasti sebarang masalah yang timbul dan mencari jalan penyelesaian yang sesuai agar dalam program yang seterusnya masalah-masalah itu tidak berulang. Keadaan ini menjadikan JHEAT dapat mengadakan program-program dengan baik dan berkesan.

5.4 Penutup

Kesimpulan dan penutup kepada kajian ini, pengkaji mengharapkan agar program pembangunan insan di kalangan kakitangan JHEAT dapat diteruskan dan dipertingkatkan usahanya. Hal ini kerana pengkaji mendapati keadaan pentadbiran JHEAT yang sedia ada pada masa sekarang ini, jauh lebih baik jika dibandingkan pada masa sebelumnya. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa JHEAT ini telah bergerak seiring dengan arus kemodenan semasa dalam melaksanakan peranannya untuk melahirkan masyarakat yang mengamalkan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan. Oleh itu diharapkan agar JHEAT dapat terus melangkah menjadi sebuah organisasi yang berwibawa di Terengganu. Segala saranan dan cadangan yang dikemukakan itu diharap dapat memperbaiki dan mempertingkatkan lagi usaha JHEAT dalam melahirkan kakitangan dan masyarakat Terengganu yang berkualiti. Diharapkan juga agar kajian ini dapat memberikan gambaran awal tentang pelaksanaan program pembangunan insan di JHEAT dan memberikan kebaikan kepada semua pihak.